

Nama ..... Tingkatan .....

Sekolah .....

**MODUL PINTAS 2019**  
**TINGKATAN 5**

**1103/1**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Ogos/September**

**2  $\frac{1}{4}$  jam**

**Dua jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

**Bahagian A**

[30 markah]



[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada langkah untuk meningkatkan minat remaja terhadap permainan tradisional.


Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah untuk meningkatkan minat remaja terhadap permainan tradisional.

Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**LANGKAH-LANGKAH MENINGKATKAN MINAT REMAJA TERHADAP PERMAINAN TRADISIONAL**



Mengadakan kempen melalui media massa



Pendedahan oleh ibu bapa

Mengadakan Festival Permainan Tradisional

**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Penggunaan media sosial telah menguasai kehidupan sebahagian besar remaja masa ini walaupun mereka mengetahui terdapat banyak keburukan daripada kebaikan.  
Sebagai seorang remaja, huraikan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk memastikan penggunaan media sosial akan memberi faedah kepada diri anda.
- 2 Pada era teknologi tanpa sempadan ini, masyarakat semakin sibuk sehingga menyebabkan semangat kejiiran semakin terhakis dalam kalangan mereka.  
Huraikan langkah-langkah untuk memupuk semangat kejiiran dalam kalangan masyarakat.
- 3 Selaku Setiausaha Kelab Pelancongan sekolah, anda telah menyertai lawatan ke salah sebuah tempat yang bersejarah di negara kita.  
Tulis sebuah laporan tentang keistimewaan tempat bersejarah tersebut.
- 4 Teknologi perubatan yang semakin canggih telah meningkatkan tahap kesihatan masyarakat di seluruh dunia.  
Ulas pernyataan tersebut.
- 5 Pantun, gurindam, syair, dan seloka merupakan puisi tradisional warisan bangsa yang semakin dilupakan oleh generasi kini.  
Huraikan peranan pelbagai pihak supaya puisi tradisional tersebut kembali diminati.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**